

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk melanjutkan tempoh moratorium walaupun pelbagai pihak telah mencadangkan akan keperluan tersebut bagi meringankan beban ekonomi rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan kemudahan moratorium secara menyeluruh ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sehingga September 2020 sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan. Bantuan akan terus diberikan meskipun selepas moratorium secara menyeluruh berakhir.

2. Dengan peralihan kepada bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar pada 1 Oktober 2020, bank terus menawarkan pelanjutan moratorium dan bentuk fleksibiliti bayaran balik pinjaman lain kepada peminjam yang terjejas akibat COVID-19. Bantuan ini disediakan kepada peminjam yang telah kehilangan pekerjaan atau pendapatan mereka terjejas, sama ada individu, isi rumah atau PKS sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.

3. Ekoran daripada gelombang ketiga wabak COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan juga telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus dilanjutkan kepada golongan B40 yang juga merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat. Selain itu, perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000 akan turut menikmati bantuan yang serupa. Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional M40 yang memohon pengurangan ansuran pula, bank juga telah bersetuju untuk menerima perisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Dalam menimbang keperluan untuk melanjutkan moratorium secara menyeluruh, Kerajaan telah mengambil kira kesan yang mungkin timbul akibat pelanjutan berkenaan:

- i. Pertama, institusi perbankan pelanjutan moratorium secara menyeluruh boleh menjejaskan kedudukan mudah tunai dan

pendanaan institusi perbankan. Berdasarkan Tinjauan Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia baru-baru ini, kos kredit boleh meningkat kepada RM29 bilion pada tahun 2020 dan 2021.

- ii. Kedua, ekonomi yang lestari bergantung pada institusi perbankan yang selamat dan kukuh dan boleh mengantarakan dana daripada penyimpan kepada peminjam dengan cekap.
- iii. Ketiga, bagi ekonomi secara holistik, pelanjutan moratorium secara menyeluruh tanpa mengambil kira sama ada peminjam memerlukannya atau tidak akan menimbulkan beberapa isu. Jika bank menawarkan pakej yang tidak diperlukan oleh peminjam atau mereka mampu membayar balik pinjaman, ini bermakna sumber yang boleh diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan akan berkurang.
- iv. Dan keempat, bagi peminjam pula, pelanjutan moratorium secara automatik bermaksud meningkatkan tahap hutang peminjam yang akan mengambil masa bayaran balik yang lebih lama, seterusnya meningkatkan kos pinjaman. Pelanjutan juga tidak memberi sebarang manfaat kepada peminjam yang mampu untuk membayar balik pinjaman. Sebaliknya, peminjam sebegini wajar digalakkan untuk membayar balik hutang mereka kerana tindakan itu akan lebih menjimatkan kos pinjaman.

5. Kerajaan sekali lagi ingin memberikan menekankan bahawa bantuan akan diberikan kepada mereka yang memerlukannya dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan. Peminjam hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.